

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN**

10. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dicadangkan untuk membuat penyelenggaraan berkala bagi kawasan persekitaran kampung yang menjalankan program *homestay* di Mengkuang Titi kerana setiap bulan dilawati pelancong luar di *homestay*.
- (a) Bolehkah penyelenggaraan dibuat di kawasan tumpuan pelancong seperti dewan *homestay*, pembaikan jalan berturap, penjagaan padang awam dan padang permainan kanak-kanak?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. Pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tidak dapat membuat penyelenggaraan berkala bagi kawasan persekitaran kampung yang menjalankan program *homestay* di Mengkuang Titi kerana kawasan tersebut merupakan tanah persendirian. MPSP hanya bertanggungjawab untuk menyelenggara jalan awam seperti jalan bandaran. Bagi pembaikan jalan berturap di kawasan kampung, ianya boleh dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah melalui peruntukan *Malaysia Road Record Information System (MARRIS)*.
- (a) Penyelenggaraan dan penjagaan dewan *homestay*, padang awam dan padang permainan kanak-kanak perlu diselaraskan secara bersama antara pengusaha Pejabat Daerah dan Tanah kerana kemudahan tersebut terletak dalam kawasan kampung.